

IKLAN JAWATAN KOSONG

(KEPERLUAN SEGERA)

Pusat GENIUS@Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia menjemput anda warganegara Malaysia dan berumur tidak kurang dari 18 tahun yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut:

JAWATAN : PENOLONG PEREKA KONTRAK (B29)
TARAF JAWATAN : KONTRAK
TEMPOH LANTIKAN : 1 TAHUN (MENGIKUT PENILAIAN PRESTASI TAHUNAN)
TARIKH IKLAN : 22 FEBRUARI 2021
TARIKH TUTUP : 7 MAC 2021

DESKRIPSI TUGASAN:

Bertanggungjawab membantu Pusat untuk menyediakan pelbagai bahan promosi bercetak (contoh poster, banner, bunting), menyediakan pelbagai bahan promosi digital (pada website dan media sosial Pusat), menyediakan bahan-bahan multimedia (termasuk suntingan grafik, video dan audio) dan hasil kreatif lain bersesuaian dengan kegunaan Pusat (contoh fotografi, 3D modelling & animasi).

SYARAT KELAYAKAN AKADEMIK:

- A. Mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik. (Gaji permulaan ialah pada Gred B29: RM1,499.00); atau
- B. Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia / Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta mendapat Prinsipal dalam subjek Seni Visual pada peringkat peperiksaan tersebut. (Gaji permulaan ialah pada Gred B29: RM1,499.00); atau
- C. Diploma dalam bidang Seni Kreatif, Seni Bina Dalaman, Seni Lukis atau Seni Reka, animasi, komunikasi massa, multimedia, grafik komunikasi, fotografi yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred B29: RM1,777.78); atau

KEUTAMAAN DIBERIKAN KEPADA CALON BERIKUT:

- (i) Berpengalaman dalam mereka bentuk pelbagai seni kreatif terutama bahan-bahan multimedia, bahan-bahan grafik, audio, visual dan bahan-bahan bercetak sekurang-kurangnya 2 tahun.
- (ii) Bersedia menerima arahan kerja lebih masa, menerima tugas dalam masa yang singkat atau bila-bila masa sekiranya diperlukan.
- (iii) Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu/ Bahasa Inggeris.
- (iv) Mempunyai kenderaan sendiri dan bersedia untuk bekerja di Bangi atau Seremban.
- (v) Boleh bekerja secara individu dan berkumpulan serta menjalankan lain-lain tugas seperti yang diarahkan oleh ketua dari masa ke semasa.

CARA MEMOHON:

- (i) Sila emel **RESUME/CV yang lengkap** kepada **permatapintar@ukm.edu.my**
- (ii) Calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil menghadiri temuduga. Jika calon **TIDAK MENERIMA SEBARANG MAKLUMAT SELEPAS 2 MINGGU DARI TARIKH TUTUP PERMOHONAN, CALON DIANGGAP GAGAL MELEPASI SARINGAN PERTAMA.**

Rujukan: Perjawatan KQ Pusat GENIUS@Pintar NEGARA, UKM

Tarikh dikeluarkan: **22 Februari 2021**